

Usah kompromi pihak gugat keharmonian kaum, masyarakat

PM tak campur tangan siasatan, serah kepada KPN ambil tindakan tegas

Oleh Safeek Affendy Razali dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) supaya tidak bertolak ansur dalam mengambil tindakan terhadap perbuatan yang boleh menggugat keharmonian kaum dan masyarakat di negara ini.

Beliau berkata, kes membatinkan keharmonian kaum perlu diambil tindakan tegas mengikut undang-undang sedia ada.

"Saya beri laluan penuh kepada KPN (Ketua Polis Negara) dan tidak akan campur tangan dengan sebarang urusan siasatan, sebaliknya sentiasa menggesa untuk tidak bertolak ansur, serta tegas menyiasat sebarang perkara yang berlaku di luar jalur hukum.

"Dalam dakwah sendiri, ada menyebt bahawa kita ini adalah pendakwah bukan penghu-

kum. Yang menghukum ada kadi, ada hakimnya, yang akan mengikut jalur hukum dan kaedah undang-undang.

"Sebagai pendakwah sekali pun, kita tidak boleh mengatur atau menghasut rakyat untuk membenci atau bertindak sewenang-wenangnya.

"Peringatan ini cukup jelas, bahawa kita mempunyai pendakwaan, ada siasatan, ada jalur hukum yang bebas," pada Sambutan Peringatan Hari Polis Ke-217 Tahun 2024.

Yang turut hadir, Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan timbalannya, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Peguam Negara, Datuk Ahmad Terrirudin Mohd Salleh.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz; Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain dan Panglima Angkatan Tentera (PAT), Tan Sri Mohammad Ab Rahman.

Anwar turut memberi peringatan kepada semua pihak yang menimbulkan kerosakan sekiranya bertindak mencabar undang-undang.

"Tidak kira mereka dari parti politik atau masyarakat, tokoh besar atau kecil, jika tidak



tunduk dengan hukum negara, maka negara akan rosak dan mungkin tidak akan berkembang," katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Anwar menggesa PDRM untuk lebih berani dalam menangani isu rasuah dan tidak mensia-siakan pengorbanan yang pernah dilakukan oleh pegawai dan anggota polis terdahulu.

"Selain SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Malaysia), PDRM juga harus berani untuk menyelamatkan bangsa dan tidak mensia-siakan pengorbanan terma-

suk warga polis yang terkorban.

"Namun, saya percaya ia bukanlah sesuatu yang mudah, tetapi apabila rasuah menjadi sistemik, ia akan menghakis sendi kekuatan kita. (PDRM) ada keberanian untuk bertempur, ada keberanian untuk menyelamatkan bangsa," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri memberi amaran mengenai bahaya jenayah judi dalam talian yang sudah memerangkap pemimpin badan keselamatan di negara jiran, Indonesia dan Thailand.

Katanya, walaupun jenayah itu masih mampu dikawal

PDRM, ia bukan sesuatu yang perlu dipandang remeh.

"Di Indonesia beberapa bulan lalu, ada tokoh kanan polis polis terbabit dalam jenayah judi dalam talian dan dua hari lalu, ketua dan timbalan polis terpaksa berundur kerana juga terbabit dalam judi online.

"Saya beri amaran bukan mahu takutkan KPN (Tan Sri Razarudin Husain), tapi Alhamdulillah, Malaysia masih dalam tahap membanggakan, tapi tidak bermakna ia perkara yang mudah pada zaman teknologi.

"Jenayah komersial ini adalah sesuatu ancaman baharu dan lebih canggih," katanya.